



PERMOHONAN ADALAH DIPELAWA KEPADA WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERKELAYAKAN DAN MEMENUHI KRITERIA UNTUK MEMOHON JAWATAN PENTADBIRAN DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

KEKOSONGAN JAWATAN : BENDAHARI

(1) Butiran Jawatan

Gred	: W54
Emolumen	: RM6,122.00 – RM13,180.00
Taraf Jawatan	: Pertukaran Pelantikan Sementara/ Peminjaman / Kontrak
Tempoh Lantikan	: Tidak melebihi tiga (3) tahun untuk setiap lantikan (tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengurusan Universiti)

(2) Kelayakan Akademik

- (a) Memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
dan
- (b) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

(3) Kriteria Pemilihan

- (a) Pernah mengetuai Jabatan/ Bahagian penting di mana-mana Universiti;
- (b) Berpengalaman luas dalam pengurusan kewangan dan perakaunan;
- (c) Mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat dan dihormati oleh masyarakat kampus dan luar serta mempunyai rekod cemerlang dalam pengurusan dan khidmat profesional;

- (d) Mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi Universiti serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan;
- (e) Mempunyai wawasan dalam menerajui perubahan pentadbiran kewangan bagi tujuan mencapai visi dan misi Universiti;
- (f) Mempunyai kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap; dan
- (g) Seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

(4) Tugas & Tanggungjawab

- (a) Menasihati Naib Canselor dan Lembaga Pengarah mengenai segala aspek pengurusan dan pentadbiran kewangan Universiti;
- (b) Pemimpin, pakar rujuk dan pemantau kepada hal-ehwal kewangan Universiti;
- (c) Berperanan sebagai Pengurusan Tertinggi Universiti dan bekerjasama dengan Naib Canselor mengenai pengurusan kewangan dan penjanaan pendapatan Universiti;
- (d) Memastikan integriti proses dan sistem kewangan untuk menghapuskan sebarang kemungkinan yang menimbulkan risiko kepada keutuhan dana Universiti;
- (e) Merancang dan menyediakan Belanjawan Tahunan dan Belanjawan Tambahan Universiti serta bertanggungjawab ke atas Laporan Prestasi dan Analisa Kewangan Universiti;
- (f) Mengurus hal-ehwal pelaburan Universiti dan tabung amanah Universiti, serta mengawal semua bayaran dan kutipan hasil Universiti;
- (g) Bertanggungjawab dalam urusan penyimpanan rekod pembelian, perbelanjaan, harta tetap dan laporan-laporan berkenaan kewangan Universiti;
- (h) Melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diperlukan dalam menjalankan dengan sewajarnya tugas-tugas yang diberikan kepadanya oleh Perlembagaan, Statut-Statut, Akta-Akta dan Peraturan-Peraturan; dan
- (i) Menjalankan apa-apa tugas lain sebagaimana yang diarahkan oleh Naib Canselor

(5) Cara Memohon

Calon boleh membuat permohonan melalui *online* di <http://myjobs.upsi.edu.my/> dan mengemukakan borang permohonan yang telah dicetak bersama dokumen-dokumen berikut:

- (a) *Curriculum Vitae (CV)* yang lengkap dan terkini berserta gambar ukuran passport;
 - (b) *Key Performance Indikator (KPI)* dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Bendahari;
 - (c) Salinan sijil SPM;
 - (d) Salinan skrol ijazah; dan
 - (e) Salinan Transkrip ijazah.
- (6) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
- (7) Sebarang pertanyaan sila hubungi:
- a. Pn. Norhasrina binti Mohd Idris : 05-450 6340 / norhasrina@upsi.edu.my
Penolong Pendaftar Kanan
Unit Perjawatan
Bahagian Sumber Manusia
 - b. En. Mohd Rikzan bin Idris : 05-450 6328 / mrikzan@upsi.edu.my
Pembantu Tadbir (P/O)
Unit Perjawatan
Bahagian Sumber Manusia
- (8) Permohonan yang lengkap hendaklah dialamatkan kepada:
- PENDAFTAR
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900, TANJUNG MALIM
PERAK DARUL RIDZUAN**
- (9) Tarikh tutup permohonan adalah pada **29 Ogos 2019**